

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI PERAK / N.SEMBILAN / MELAKA)

TARIKH: 13 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 33

Pembeli rayu KPKT campur tangan selesai isu rumah terbengkalai

REMBAU – Pembeli rumah di Taman Rembau Bayu merayu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) campur tangan dalam menyelesaikan projek perumahan terbengkalai sejak lima tahun lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Projek Terbengkalai Taman Rembau Bayu, Abd Aziz Hamid, 67, berkata, impiannya untuk mendiami rumah pertama di taman berkenaan selepas bersara tidak kesampaian apabila projek yang sepatutnya siap pada 2015 itu terbengkalai.

Menurutnya, sejak beberapa tahun lalu, dia bersama ahli jawatankuasa pernah meminta bantuan kepada kementerian perumahan semasa pemerintahan sebelum ini namun semuanya hampa.

"Kebanyakan pembeli di sini adalah kakitangan kerajaan dan ini merupakan unit rumah per-



Sebahagian pembeli rumah di Taman Rimba Bayu merayu kerajaan negeri dan KPKT campur tangan selesaikan isu rumah terbengkalai sejak lima tahun lalu.

tama mereka yang sepatutnya dapat didiami lima tahun lalu tetapi disebabkan pemaju alami masalah kewangan, projek perumahan ini tidak dapat diteruskan.

"Seramai 27 pembeli yang kebanyakannya Bumiputera menjadi mangsa keadaan," kata-

nya ketika ditemui di Taman Rembau Bayu di sini semalam.

Sementara itu, Exco Negeri Sembilan, Teo Kok Seong ketika dihubungi berkata, pihaknya akan meneliti perkara itu terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan.